

Peranan Mujahadah Dalam Terapi Psiko Spiritual: Analisis Terhadap Model Rawatan Penagihan Dadah Berlandaskan Quran dan Sunnah

Amin M. Z. M.

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800,
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Email: zohdi@usim.edu.my

Mohd Saiful Amri Zainal Abidin

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800,
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Email: mohdsaifulamri.rasmi@gmail.com

Abdulloh Salaeh

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia,
Bandar Baru Nilai, 71800,
Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Email: abdulloh@usim.edu.my

ABSTRAK

Isu penagihan dadah ini berterusan dan tidak menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan walaupun telah diisytiharkan sebagai musuh Negara. Penagihan dadah dianggap salah satu ancaman kepada keselamatan Negara dan usaha membendung gejala penagihan dadah dan pemulihan dadah melibatkan kos yang sangat tinggi dan tidak bersifat produktif. Masalah “penagih relaps” yang tinggi dan menunjukkan trend peningkatan menggambarkan bahawa proses pemulihan dadah yang sedia ada masih belum cukup berkesan. Terapi psiko spiritual didapati berkesan dalam pencegahan dan rawatan ketagihan dadah serta dapat mengatasi penagihan relaps dan dipraktikkan di beberapa pusat rawatan dadah kerajaan dan juga swasta. Salah satu komponen terpenting dalam terapi psiko spiritual ialah konsep ‘Mujahadah’. Setiap institusi rawatan dadah mempunyai pendekatan ‘Mujahadah’ tersendiri. Sekiranya kepelbagaian dalam pelaksanaan ‘Mujahadah’ ini jika dapat disatukan akan melahirkan model ‘Mujahadah’ yang terbaik dalam pemulihan penagih dadah. Objektif utama kajian yang dijalankan adalah untuk meneliti kaedah pelaksanaan elemen ‘Mujahadah’ dalam konteks pemulihan penagih dadah. Justeru satu kajian kualitatif dijalankan di lima pusat rawatan dadah terpilih. Data diperolehi melalui analisis teks, temu bual dan observasi perlaksanaannya di CCRC Tiang Dua, CCRC Sungai Ruan, Pondok Remaja Inabah Negeri Sembilan, Teratak Tautan Kaseh Murabbi, dan Persatuan Pengasih Malaysia. Kajian mendapati bahawa pelaksanaan ‘Mujahadah’ terbahagi kepada tiga bahagian (i) *Takhalli* [Pembersihan], (ii) *Tahalli* [Pengisian] dan (iii) *Tajalli* [Pengukuhan]. Proses ‘Mujahadah’ dalam kalangan pelatih sangat berkait rapat dengan sistem sokongan dan ilmu teras

agama. 'Mujahadah' juga perlu dijalankan dengan proses "Muraqabah al-Nafs" dan "Riyadhah al-Nafs" yang berterusan.

Kata Kunci: Mujahadah, Rawatan Pemulihan Dadah, Psiko Spiritual, *Tazkiyah al-Nafs*

PENDAHULUAN

Isu penagihan dadah merupakan antara masalah global yang amat rumit untuk diselesaikan dan merupakan ancaman kepada keselamatan negara (Othman, Idris, & Druis, 2015). Kekusutan masalah tersebut yang berlarutan semenjak sekian lama ditambah dengan isu penagih berulang atau "penagih relaps". Ini memberi gambaran bahawa proses rawatan dan pemulihan sedia ada belum sampai ke tahap yang memuaskan. Usaha pemulihan penagih dadah melibatkan kos yang sangat tinggi mencecah kos RM1.56 bilion pada tahun 2010-2014 (Maklumat Dadah 2014, 2014). Meskipun begitu statistik penagihan dadah menunjukkan peningkatan 4.26% (Maklumat Dadah 2014, 2014). Jumlah penagih dadah benar-benar sembuh selepas melalui rawatan dan program pemulihan, begitu kecil berbanding dengan penagih berulang. 90% daripada 100 penagih dadah berulang dalam tempoh lima tahun pemulihan dadah (Wan Mahmood Pawanteh, 1988). Jabatan Kebajikan Masyarakat mendapati hanya 37% daripada bekas penagih dadah benar-benar sembuh daripada penagihan dadah (Seghatoleslam et al., 2015).

Situasi ini menimbulkan keraguan terhadap keberkesanan pusat pemulihan dadah yang disediakan (Othman et al., 2015, Mokhtar Bin Mohammed, 1997). Senario ini jelas menggambarkan keperluan untuk model yang lebih berkesan dalam merawat dan memulihkan penagih dadah. Adam, Wan Ibrahim, Ahmad, & Sudirman (2011) melalui kajian yang mereka jalankan mendapati bahawa perlunya kepada kaedah alternative dalam proses pemulihan dadah konvensional sedia ada yang dijalankan oleh pihak kerajaan. Kerajaan menyedari bahawa program pemulihan dadah, pendidikan keluarga dan terapi spiritual berkesan dalam pencegahan dan rawatan ketagihan (Seghatoleslam et al., 2015). Justeru, terdapat beberapa NGO dan institusi persendirian mengintegrasikan rawatan pemulihan penagihan dadah dengan menggunakan pendekatan spiritual.

Terapi psiko-spiritual berasaskan ajaran Islam dikenal pasti berkesan dalam pemulihan dadah dan mengatasi penagihan. Beberapa pusat rawatan yang menggunakan kaedah terapi psiko-spiritual berasaskan ajaran Islam dikenal pasti menunjukkan kejayaan yang memberangsangkan (Sudirman Abdul Fatah, 2009; Khalid, 2008; Sabir Abdul Ghani & Adam, 2014; Muhamad Rozi Mustafha, 2011; Rashid, 2004; Fadzli Adam, 2011). Beberapa pusat pemulihan penagih dadah kerajaan dan swasta telah menggunakan pendekatan terapi psikospiritual Islam secara meluas. Sebagai contoh, pusat pemulihan penagihan dadah milik kerajaan seperti di CCRC Sungai Ruan Raub Pahang, CCRC Tiang Dua, Melaka. Ianya berteraskan kepada model Inabah. Manakala pusat rawatan swasta di jalankan di Teratak Tautan Kaseh Murabbi, Sg Petani, Kedah. Baytul Taubah, Kelantan, Inabah di Kuala Terengganu dan beberapa pusat lain. Kesemua program rawatan tersebut melaporkan hasil yang positif jika dibandingkan dengan pendekatan konvensional.

Terapi Psikospiritual Dalam Rawatan Dadah

Terapi Psikospiritual meskipun masih baru di Malaysia namun ianya telah mula diterima dan digunakan di barat dengan meluas dalam merawat golongan bermasalah seperti penagihan dadah dan kepincangan akhlak. Pendekatan terapi psikospiritual Islam didapati berkesan dalam merawat penyakit moral, mental, fizikal, mahupun spiritual. Ianya selaras dengan pengalaman orang soleh dan alim ulama kerohanian Islam terulung (M. Hamdani Bakran Adz-Dzaky, 2001). Beberapa pusat rawatan masalah akhlak didapati telah menggunakan pendekatan psikospiritual Islam dalam proses pemulihan. Sebagai contoh teknik yang dijalankan di Sahabat Iman dan Insan Malaysia (SIDIM) dan Pusat Kebajikan Darul Islah Selangor (PERKID). Secara umumnya, penggunaan terapi psikospiritual telah digunakan dalam rawatan penyembuhan pelbagai konflik kejiwaan, emosi dan pemikiran manusia yang dijalankan (Mohd Rushdan Muhd Jailani & Ahmad Bukhari Osman, 2015; Setiyo Purwanto, 2016; Dewi Ainul Mardiyah, 2016; Nurul Husna Mansor & Fakhrul Adabi Abdul Kadir, 2013; Khairul Hamimah Mohamad Jodi, Mohd Afifuddin Mohamad & Azizi Che Seman, 2014; Fadzli Adam, 2011). Pendekatan psikospiritual didapati berkesan dalam memulihkan golongan yang berhadapan isu moral (Zuraidah, Che Zarrina & Chang, 2018).

Selain itu, terdapat usaha mengintegrasikan terapi psikospiritual Islam dalam modul rawatan dan rehabilitasi berasaskan Therapeutic Community. Dalam aspek Terapi Psikospiritual beberapa prinsip dan aplikasi digunakan iaitu: [i] Aplikasi taubat terpimpin; [ii] Aplikasi penyucian nafsu dan jiwa; [iii] Aplikasi penyerahan diri kepada Tuhan; [iv] Aplikasi mengenali hakitan diri dan erti kehidupan; [v] Aplikasi beramal dengan nilai-nilai mulia (Mohd Rushdan Muhd Jailani & Ahmad Bukhari Osman, 2015). Kajian Setiyo Purwanto (2016), menggunakan terapi psikospiritual dengan menggunakan tiga pendekatan dalam model terapi psikospiritual, iaitu: [i] Kesedaran (*Spiritual Conscious Therapy*), [ii] Pasrah kepada Allah (*Surrender Relaxation*), [iii] *Spiritual Self Hypnosis*. Beberapa pendekatan terapi psikospiritual lain turut digunakan seperti teknik, [i] Berpuasa, [ii] Mengasingkan diri, [iii] Adab, [iv] Mengingat Tuhan dan (v) Mengingat Kematian. Namun keberhasilan kaedah ini sangat bergantung kepada tahap kepercayaan agama seseorang (Dewi Ainul Mardiyah, 2016).

Tahap kepercayaan seseorang terhadap agama bukan sahaja melibatkan aspek kerohanian tetapi ianya berkait rapat dengan [i] Pengukuhan akidah dan keimanan kepada Allah, [ii] Penghayatan ibadah Islam, [iii] Menyemai benih-benih akhlak Islam, dan diikuti dengan aspek khusus yang berkaitan dengan masalah yang dihadapi. Dalam aspek penyakit salah laku seksual contohnya, [iv] aspek saranan pernikahan, dan [v] pendidikan seks berteraskan Islam perlu diterapkan (Nurul Husna Mansor & Fakhrul Adabi Abdul Kadir, 2013). Dari sudut aplikasi pula terapi psikospiritual dijalankan dalam tiga fasa pemulihan iaitu; [i] Pengenalan asas fardu ain selama 6 bulan [ii] Penekanan kepada pembentukan sahsiah diri selama 6 hingga 7 bulan [iii] Pembelajaran agama Islam dengan lebih mendalam, selain latihan kemahiran dan terapi mental bagi persiapan sebelum mereka keluar dari intitusi latihan (Khairul Hamimah Mohamad Jodi, Mohd Afifuddin Mohamad & Azizi Che Seman, 2014).

Pembinaan kekuatan kerohanian yang bertunjangkan akidah dan amalan ibadah serta pelaziman ayat Quran dan Sunnah *ma'thurah* menjadikan bekas penagih mempunyai kekuatan dalaman, sekaligus dapat mengelakkan diri dari terjebak dengan penagihan 'relaps'. Diketahui bahawa Quran dan Sunnah kaya dengan aspek pemulihan terhadap kepincangan hidup umat manusia sejagat. Firman Allah (Al-Isra` : 82): "*Dan Kami turunkan dari al-Qur`an suatu yang menjadi penyembuh dan rahmat bagi orang-orang yang beriman*". Justeru difahami bahawa Quran boleh dijadikan penawar kepada penyakit yang dihadapi oleh manusia sama ada penyakit secara fizikal mahupun berbentuk rohani. Ia meliputi penyakit yang dihadapi berbentuk mental dan kerohanian,

konflik kejiwaan, emosi dan pemikiran yang dihadapi oleh individu bermasalah (Mohd Rushdan Mohd Jailani & Ahmad Bukhari Osman, 2015).

Program pemulihan yang dianjurkan perlu mempunyai unsur kerohanian seperti bimbingan ilmu agama dan pemantapan akidah secara berterusan (Hushim Salleh, 2018). Usaha untuk membimbing golongan bermasalah haruslah mempunyai revolusi insaniah dan spiritual yang total dan sokongan dari badan-badan bukan kerajaan dalam menuntun golongan ini kembali ke pangkal jalan (Rozi Zakaria, 2003).

Model terapi psikospiritual Islam dalam penyucian jiwa (*Tazkiyah al-Nafs*) oleh Syeikh Abdul Qadir Al-Mandili diformulasikan kepada empat peringkat iaitu; [i] Kawalan Anatomi Jasmani Manusia, [ii] Penyingkiran Elemen Negatif (*takhalli*); [iii] Penerapan dan Pemantapan Sifat Positif (*tahalli*) dan [iv] Penstabilan dan Penyerahan Diri (*tajalli*) (Che Zarrina Sa'ari & Nor Azlinah Zaini, 2016). Keempat-empat peringkat ini dilaksanakan dalam kerangka *Mujahadah al-Nafs* (melawan hawa nafsu).

Peranan Mujahadah Dalam Terapi Psikospiritual

Perkataan *Mujahadah* berasal dari istilah Arab iaitu [المجاهدة] serta merupakan kata nama terbitan kepada [جاهد] dengan *wazân* [مفاعلة] dan berasal dari kata dasar [الجهد]. Menurut al-Mu^cjam al-wasit, ia membawa makna [المشقة] iaitu **kesukaran** (Anis et al. t.th.: 1: 571). Manakala Ibn Manzûr (1990: 3: 135) menjelaskan bahawa ianya bermaksud “berlebihan dan berhabis-habisan dengan mengorbankan segala kemampuan dan tenaga”. Perkataan ini telah dimelayukan penggunaannya. Kamus Dewan (Dewan Bahasa dan Pustaka 1994: 839) memberi dua definisi bagi perkataan *Mujahadah*. Pertama; “Perang atau perjuangan untuk mempertahankan agama Islam”. Kedua; Jihad atau perjuangan melawan hawa nafsu. *Mujahadah* dalam konteks psikospiritual merujuk maksud yang kedua, iaitu melawan tuntutan hawa nafsu.

Perkataan *mujahadah* menurut istilah syarak, di dalam Kitâb al-Ta^crîfât dengan: “Memerangi hawa nafsu yang menyeru ke arah keburukan kepada mentaati syarak, iaitu memaksa hawa nafsu dengan susah-payah melaksanakan tuntutan syarak” (al-Jurjâni, 1998: 142). Ia selari dengan sabda Rasulullah a.s: (المجاهد من جاهد نفسه بنفسه) bermaksud: Pejuang (*Mujahid*) itu adalah orang yang melawan hawa nafsunya sendiri (al-Tarmidhi t.th.: 5: 250).

Definisi tersebut dapat difahami bahawa *mujahadah* merupakan usaha bersungguh-sungguh untuk mendidik jiwa atau diri ke arah ketaatan kepada Allah dan meninggalkan laranganNya. Iaitu berlakunya proses penentangan atau perlawanan di antara individu muslim dengan nafsu yang terletak di dalam dirinya. Dengan kata lain, menundukkan hawa nafsu yang cenderung ke arah kejahatan kepada kecenderungan ke arah kebaikan. Kejahatan dan maksiat yang dilakukan oleh seseorang dapat menyebabkan jiwanya kotor. Jiwa yang kotor sering mendorong pemiliknya ke arah perkara yang keji dan sesat. Justeru, Allah menutus para rasul kepada umat sejagat untuk membersihkan jiwa manusia daripada segala bentuk kepincangan, serta mengembalikannya kepada fitrah yang sebenar (Abū Fāris 2000: 12). Ianya dibuktikan melalui firman Allah s.w.t berfirman: (لقد منّ الله على المؤمنين إذ بعث فيهم رسولا من أنفسهم يتلوا عليهم آياته (ويزكيهم ويعلمهم الكتاب والحكمة وإن كانوا من قبل لفى ضلل مبين), Maksudnya: Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmatNya) kepada orang yang beriman, setelah ia mengutuskan dalam kalangan

mereka seorang rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan al-Quran yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (daripada iktiqad yang sesat) serta mengajarkan mereka kitab Allah (al-Quran) dan hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syariah), dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata. (Surah ĀL -Imrān 3 :164).

Ibn Abbas r.a menjelaskan bahawa lafaz (ويزكيهم) di dalam ayat di atas menunjukkan bahawa ayat Quran yang dibacakan kepada seseorang dapat menjadikan hati individu tersebut bersih dengan sebab masuknya Iman (al-Qurtubi, 1996). Bahkan menurut al-Tibiy, bacaan Quran dapat membersihkan hati mereka dari kekotoran kufur, segala najis pancaindera setelah terpalit dengan perkara haram serta segala bentuk kekejian (al-Tibiy, 2013). Ini menjelaskan bahawa hati manusia dapat dibersihkan daripada kekotoran hati berikutan perlakuan kufur, maksiat dan juga perkara keji melalui bacaan Quran dan beramal dengan sunnah Rasulullah.

Kepentingan Mujahadah Dalam Proses Terapi Psikospiritual

Merujuk kepada teks Quran dan Sunnah diketahui bahawa manusia dituntut untuk melakukan mujahadah sebagaimana tuntutan jihad. Selain daripada membersihkan jiwa, mujahadah dapat menghasilkan beberapa kesan berikut:

(a) Mendapat hidayah daripada Allah, Allah berfirman di akhir surah al-cAnkabut: (والذين (جاهدوا فينا لنهديهم سبلنا) Maksudnya: Orang-orang yang bermujahadah pada jalan kami akan kami berikan mereka petunjuk kami (Surah al-cAnkabut 29: 69). Ibn 'Atiyyah menjelaskan bahawa ayat ini diturunkan di Mekah (Al-Shaukāni t.th: 4: 212), bahkan menurut Imam al-Suddi bahawa ayat ini diturunkan sebelum difardukan jihad bersenjata sebagaimana yang terkenal selepas peristiwa Hijrah ke Madinah (al-Qurtubi 1967: 13: 360). Sebelum peristiwa hijrah, jihad bersenjata belum di syariatkan. Justeru, dapat difahami bahawa ayat ini menjurus kepada arahan bermujahadah melawan hawa nafsu dalam menegakkan syariat Islam di dalam diri. Individu yang mendapat hidayah dapat melakukan apa yang diperintahkan oleh Allah dan meninggalkan laranganNya. al-Māwardi (t.th: 4: 69) menjelaskan bahawa Mujahadah memberi pengertian: (i) peperangan menghadapi orang kafir, (ii) memerangi hawa nafsu, (iii) bersungguh-sungguh melakukan ketaatan dan meninggalkan larangan, (iv) Melawan nafsu untuk bertaubat daripada segala dosa-dosa.

Seseorang penagih dadah yang melakukan mujahadah dengan betul akan memperoleh kekuatan dana kesabaran untuk melakukan ibadah serta meninggalkan maksiat yang di dorong oleh hawa nafsu, termasuk penagihan dadah (al-Khazin. t.th 4: 200).

(b) Mendapat kejayaan dalam kehidupan dunia dan akhirat, ini berdasarkan kepada Firman Allah SWT dipenutup surah al-'Imrān: (يأيها الذين ءامنوا اصبروا وصابروا ورابطوا واتقوا الله لعلكم تفلحون). Maksudnya: Wahai orang-orang yang beriman, bersabarlah kamu (dalam menegakkan agama Allah), dan kuatkan kesabaran kamu dalam perjuangan menghadapi musuh (hawa nafsu) dan tetap teguhlah kamu (dalam barisan perjuangan) dan bertakwalah kamu kepada Allah moga-moga kamu mendapat kemenangan [Surah al-Imran 3: 200].

Ahli tafsir menjelaskan membawa ayat ini ke arah perintah mujahadah, dan bukannya berhubung jihad peperangan sebagaimana zahir ayat, kerana ini berdasarkan kepada penjelasan oleh Abu Salamah bin 'Abd al-Rahmān bahawa perkataan رابطوا dalam ayat tersebut bukanlah bermaksud 'al-Ribāt' peperangan, iaitu (ملازمة الثغور) yang bermaksud "kawalan pintu masuk daripada pencerobohan musuh". Di zaman Rasulullah tidak terdapat peperangan yang mempunyai "al-Ribāt" sebagaimana yang dimaksudkan (Al-Shaukani, t.th. j1, p 526.) Imam al-Qurtubi (1996) menjelaskan bahawa ayat ini mengandungi galakan dan perintah untuk bersabar terhadap dorongan syahwat dalam ketaatan kepada Allah. Ayat ini sebagai satu "perintah agar sentiasa menahan nafsu (mujahadah) daripada syahwat (jahat)". Individu yang bersabar dalam bermujahadah akan mendapat kejayaan.

(c) Mujahadah memberi faedah baik terhadap individu yang mengamalkannya. Ia berdasarkan kepada firman Allah di awal surah al-'Ankabut (ومن جهد فإنما يجهد لنفسه إن الله لغني عن العالمين) Maksudnya: Barang siapa yang berjihad, maka sesungguhnya jihadnya itu untuk dirinya. Sesungguhnya Allah itu benar-benar Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari semesta alam (Surah al-'Ankabut 29: 6.) Pengarang tafsir Sofwah al-Tafāsīr Mohammad 'Ali Sabūnī (1996) berpendapat bahawa ayat ini berkaitan dengan mujahadah bukannya jihad peperangan, maka faedah daripada mujahadahnya itu dinikmati oleh dirinya sendiri.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif dijalankan bagi mengenalpasti peranan konsep mujahadah dalam terapi psikospiritual bagi pemulihan penagih dadah di beberapa pusat rawatan dadah di Malaysia. Bagi mendapatkan maklumat menyeluruh berhubung kajian yang dijalankan tiga metode kajian digunakan sebagaimana berikut:

(a) Metode Kajian Kepustakaan / Analisis Dokumen;

Metode ini digunakan bagi mengumpul maklumat daripada sumber sekunder yang berbentuk sorotan literatur daripada jurnal, prosiding, tesis prasiswazah yang berkaitan dengan tajuk kajian. Hasil kajian kepustakaan ini menjadi landasan asas kepada kajian yang berikutnya bagi mendapatkan maklumat yang tepat. Data berkaitan dengan pencirian kaedah terapi dan penggunaan ayat Quran dan Hadis menjadi fokus utama.

(b) Metode Observasi/ Pemerhatian;

Metode ini digunakan bagi mendapatkan maklumat primer secara langsung berhubung aspek mujahadah dalam terapi psikospiritual yang menggunakan ayat Quran dan Hadis. Bagi tujuan tersebut beberapa siri lawatan ke pusat pemulihan penagih dadah terpilih diadakan. Lima pusat pemulihan dipilih sebagai pusat kajian iaitu,

- i. Pondok Remaja Inabah, Labu, Negeri Sembilan
- ii. Rumah Pengasih, Persatuan Pengasih Malaysia, Kuala Lumpur.
- iii. Cure & Care Rehabilitation Center (CCRC) Sungai Ruan, Raub, Pahang
- iv. Cure & Care Rehabilitation Center (CCRC) Tiang Dua Melaka
- v. Teratak Tautan Kaseh Murabbi, Sungai Petani, Kedah

Pemilihan kawasan kajian berdasarkan kepada perbezaan latar belakang dan kaedah yang digunakan supaya dapat menerima kepelbagaian dalam bentuk terapi. Observasi dilakukan secara

pendorong kepada penagihan dadah. Justeru, kajian mendapati bahawa kesemua 6 pusat rawatan dadah menggunakan terapi psikospiritual mengaplikasikan konsep kurungan dan kawalan keselamatan ketat (Saiful Amri, et al., 2019).

[ii] **Penyingkiran Elemen Negatif (*takhalli*)**; Diperingkat *takhalli* ialah proses membuang semua kehendak-kehendak nafsu yang rendah dan dilarang oleh Allah. Secara khusus dalam aspek penagihan dadah. Penagih perlu menanam kebencian terhadap dadah dari dalam jiwa mereka. Dalam masa yang sama berazam untuk tidak kembali untuk menyalahgunakan dadah.

Perlaksanaan mujahadah dalam peringkat *takhalli* berlangsung melalui pendekatan tasawwuf di Pondok Inabah (N. Sembilan), CCRC Tiang Dua (Melaka) dan CCRC Sungai Ruan (Pahang). Justeru terdapat amalan zikir-zikir khusus dan doa tertentu damalkan secara rutin. Penghayatan kepada pengertian doa dan zikir di beri penekanan di CCRC Tiang Dua Melaka, dan didapati dapat menambahkan lagi kesannya terhadap pelatih. Pengasih (Kuala Lumpur) dan Murabbi (Kedah) tidak menggunakan pendekatan tasawuf, namun peranan rakan pelatih dalam proses mujahadah banyak di tekankan khususnya dalam membuat teguran dan dorongan. Manakala perlaksanaan mujahadah di Teratak Tautan Kaseh Murabbi, Sungai Petani, Kedah dipantau rapat oleh guru pembimbing (*murabbi*) dan *murabbi* memperuntukkan banyak masa bersama pelatih dan tinggal bersama pelatih di dalam satu bangunan. Pendekatan tersebut memberi kesan yang kuat terhadap pelatih. Walaupun begitu, aspek pembangunan jiwa tetap diberi penekanan seperti pembersihan sifat kufur nikmat, tidak bersyukur, pemaarah, bengis, putus asa, tamak, hasad dan sifat-sifat tercela seumpamanya.

[iii] **Penerapan dan Pemantapan Elemen Positif (*tahalli*)**; Peringkat *Tahalli* melibatkan usaha memperkayakan jiwa dengan elemen positif. Secara khusus berkaitan dengan pelaksanaan tuntutan syarak dan memperbaiki tahap perlaksanaannya. Hati pelatih perlu segera diisi dengan amalan-amalan wajib dan sunat yang boleh memberi kesan positif terhadap hati.

Pelatih diberi penekanan dalam mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, solat sunat seperti solat tahajjud, solat hajat, solat taubat, solat witr, solat ashra', solat dhuha. Amalan solat sunat diberi penekanan bahkan dimestikan setiap hari atau pada hari yang ditetapkan di 4 buah pusat rawatan dadah kecuali di Persatuan Pengasih. Penekanan diberikan hanya pada solat Fardu secara berjemaah dan solat sunat Qabliyyah dan Ba'diyyah sahaja. Pelatih juga diwajibkan untuk berpuasa wajib dan digalakkan untuk berpuasa sunat. Penekanan diberikan dalam aspek membaca al-Quran dan mempelajari kaedah bacaan al-Quran yang betul. Bahkan penagih diwajibkan menghafal beberapa surah lazim daripada al-Quran. Selain itu, aspek pembelajaran ilmu asas dalam agama juga diberi penekanan khusus secara berkala dan berstruktur.

Jiwa pelatih diterapkan dengan sifat-sifat terpuji seperti syukur, tawakkal, sabar, redha, merendah diri, serta akhlak mulia. Peringkat *tahalli* ini sebenarnya berjalan serentak dengan peringkat *takhalli*. Sebagai contoh sifat sabar terhasil apabila pelatih berjaya membuang sifat pemaarah. Proses membuang sifat marah dan menggantikannya dengan sifat sabar merupakan satu proses mujahadah. Iaitu perjuangan melawan hawa nafsu. Dalam aspek ibadat fizikal seperti solat sunat, pelatih perlu memaksa diri sendiri untuk mendirikan solat tersebut dan dalam masa yang sama dapat meninggalkan rasa malas untuk melakukannya.

[iv] **Penstabilan dan Penyerahan Diri (*tajalli*)**, Di peringkat ini, pelatih sudah terbiasa dengan sifat-sifat mulia dan telah berjaya meninggalkan sifat-sifat terkeji. Membiasakan diri dengan ibadat wajib dan sunat bahkan menjadi rutin harian, dapat menggantikan rasa malas untuk melakukan

ibadat kepada Allah. Amalan yang dijalankan secara rutin, walaupun bermula dengan rasa berat akan bertukar sebagai kebiasaan. Sekiranya dilakukan secara berterusan secara konsisten akan membentuk sikap dan personaliti peribadi.


Ketiga-tiga proses di atas boleh dilakukan dengan mudah dengan adanya persekitaran yang terkawal dan dijadualkan secara terancang. Proses tersebut turut berkait rapat dengan aspek *Muraqabah al-Nafs* (pemantauan jiwa) dan *Riyadhah al-Nafs* (latihan jiwa). Kedua aspek ini melibatkan peranan yang dimainkan oleh beberapa pihak lain, iaitu:

- i. Peranan pembimbing, jurulatih, murabbi atau mentor
- ii. Peranan sahabat atau rakan
- iii. Peranan komuniti dan keluarga
- iv. Peranan institusi

Setiap pihak perlu memainkan peranan yang selaras dan saling menyokong proses mujahadah yang berlangsung. Sebagai contoh, melalui penetapan peraturan, garis panduan, kawalan, bimbingan, pemantauan berterusan.

KESIMPULAN

Perlaksanaan mujahadah dalam terapi psikospiritual pemulihan dadah memainkan peranan penting dalam proses pemulihan. Mujahadah melalui konsep *takhalli*, *tahalli* dan *tajalli* banyak tertumpu dalam aspek perlaksanaan ibadah dan juga akhlak atau adab. Namun penekanan dalam penerapan asas aqidah adalah sangat kurang. Aspek pembacaan ruqyah atau wirid ma'thurah juga kurang ditekankan di beberapa pusat pemulihan melainkan di CCRC Tiang Dua Melaka. Perlaksanaan terapi Psikospiritual mengikut pendekatan tasawuf banyak dilaksanakan di sebahagian pusat pemulihan dan lebih memberi penekanan terhadap pembangunan aspek kerohanian. Selain itu, perlaksanaan mujahadah perlu disokong oleh *Muraqabah al-Nafs* dan *Riyadhah al-Nafs*. Kedua-duanya berperanan sebagai mekanisme pemantauan dan pengukuran terhadap penambahbaikan berterusan. Kejayaan proses *Tazkiyah al-Nafs* (penyucian jiwa) dipacu oleh proses *Mujahadah al-Nafs* yang lebih tertumpu kepada peranan yang dimainkan oleh pelatih (penagih) sendiri. Namun perlaksanaan *Muraqabah al-Nafs* dan *Riyadhah al-Nafs* memerlukan penglibatan pihak institusi, komuniti atau keluarga, rakan dan mentor atau pembimbing.



Rajah 1: Model Terapi Psikospiritual Dalam Pemulihan Dadah

RUJUKAN

AADK. (2014). Laporan Agensi Anti Dadah Kebangsaan 2014. Malaysia: Agensi Anti Dadah

Abdulloh Salaeh et al., (2016) "Institusi Pengajian Pondok Anharul Ulum: Kaedah Terapi Penagihan Dadah Berdasarkan Hadis Nabawi" in "Prophetic Tolerance on Diversity of Nation", Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Nilai,

Adam, F., Wan Ibrahim, Ahmad, W., & Sudirman, A. F. (2011). Spiritual and Traditional Rehabilitation Modality of Drug Addiction in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, 1(14), 175–181. Retrieved from

Al-Jurjâni, 'Ali bin Muhammad bin 'Ali, (1998), *al-Ta'rifat*, Lubnan: Dar al-Fikr.

Al-Khâzin, 'Ali bin Muhammad bin Ibrahim, (t.th.) *Tafsir al-Khâzin*, Maktabah Musafa al-Babi al-Halabi.

Al-Mâwardi, 'Ali bin Muhammad bin Habib, (t.th.) *al-Nuktu Wa al-'Uyun* (tafsir al-Mawardi) Bairut: Dâr al Kutub al-Ilmiyyah.

Al-Qurtubi, Muhammad bi Ahmad, (1996), *al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Al-Sābūnī, Mohammad 'Ali, (1996) *Sofwah al-Tafāsīr, Dār al-Fikr, Beirut, , jld. 2, hlm.416.*
- Al-Shaukani, Muhammad bin cAli bin Muhammad, Fath al-Qadir, Mesir: Maktabah Mustafa al-Babi al-Halabi, Misr.
- Al-Tarmizi, (t.th.) Sunan al-Tarmizi, Fi al-Mubârafuri, Tuhfatul al-Ahwazi, Dâr al-Kutub al-Ilmiyyah, Bairut.
- Al-Tibiy, Sharifuddin al-Husayn bin Abdullah (2013), *Futuh al-Ghayb fi al-Khasf 'an Qana'iy al-Rayb*, t.tp: Ja'izah al-Bawliyyah li al-Quran al-Karim, j.4, hlm 332.
- Anis,Ibrahim et al., (t.th.) *al-Mu'jam al-Wasit*, t.pt., t.tp.
- Che Zarrina Sa'ari & Nor Azlinah Zaini. (2016). *Cadangan Model Psikoterapi Remaja Islam Berasaskan Konsep Tazkiyah al-Nafs*. *Jurnal Usuluddin*, 36, pp.49-74.
- Dewi Ainul Mardiyah. (2016). *Terapi Psikospiritual Dalam Kajian Sufistik*. *Khazanah Jurnal Studi Islam Dan Humaniora*, XIV(2), 234-244.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Jamâl al-Dîn, (1990) .*Lisân al-ʻArab*, Beirut: Dâr al-Fikr,
- Ibrahim, F., Samah, B. A., Talib, M. A., & Sabran, M. S. (2009). *Faktor Menyumbang Kepada Penagihan Relaps Dalam Kalangan Penagih Dadah PUSPEN Di Semenanjung Malaysia*. *Jurnal AADK*, Jld 5.
- Ibrahim, F., Samah, B. A., Talib, M. A., & Sabran, M. S. (2009). *Faktor Menyumbang Kepada Penagihan Relaps Dalam Kalangan Penagih Dadah PUSPEN Di Semenanjung Malaysia*. *Jurnal AADK*, Jld 5.
- Khairul Hamimah Mohamad Jodi, Mohd Afifuddin Mohamad, Azizi Che Seman. (2014). *Penerapan Agama Dalam Modul Psikospiritual dan Kesannya Terhadap Kesihatan Spiritual: Kajian Kes di Kompleks Dar Assaadan Kuala Lumpur*. *Jurnal Syariah*, 22(1), 107-127. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JS/article/view/8114/5616>
- Khalid, M. Y. (2008). *Psycho-Spiritual Therapy Approach For Drug Addiction Rehabilitation*. *Jurnal Antidadah Malaysia*, 143-152.
- Mohammed, M., & mokhtar bin mohammed. (1997, December 28). *Faktor-Faktor Kegagalan Membebaskan Diri daripada Dadah di Kalangan Penagih*. *Universiti Putra Malaysia*. Retrieved from http://psasir.upm.edu.my/8984/1/FPP_1997_38_A.pdf
- Mohd Rushdan Mohd Jailani & Ahmad Bukhari Osman. (November, 2015). *Integrasi Terapi Psikospiritual Islam Dalam Modul Rawatan Dan Rehabilitasi Berasaskan Tc (Therapeutic Community): International Drug Prevention And Rehabilitation Conference (Prevent 2015)*. Langkawi, Kedah: ACREDA, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Muhamad Rozi Mustafha. (2011). *Metode zikir sebagai terapi pembinaan akhlak remaja di yayasan sahabat islam dan iman Malaysia (sidim)*. *Universitas Islam negeri sultan syarif kasim, riau*. Retrieved from http://repository.uin-suska.ac.id/164/1/2011_201128.pdf

- Othman, Z., Idris, N. A., & Druis, M. D. (2015). Penyalahgunaan dadah sebagai ancaman keselamatan: Analisis keberkesanan program kerajaan dalam mengekang pengrekrutan penagih dadah di Malaysia Illicit drugs as a security threat: An analysis of staterun programmes to curb drug addict recruitment in Ma, 13(13), 60–71.
- Rashid, R. A., Kamali, K., Habil, M. H., Shaharom, M. H., Seghatoleslam, T., & Looyeh, M. Y. (2014). A mosque-based methadone maintenance treatment strategy: implementation and pilot results. *Int J Drug Policy*, 25(6), 1071–1075. <http://doi.org/10.1016/j.drugpo.2014.07.003>
- Rasid, L. dan Z. M. (2004). Keberkesanan “terapi spiritual” bagi peningkatan aspek-aspek personaliti penagih dadah di Pantii Insyaf Medan, Indonesia. *Jurnal Pendidik Dan Pendidikan*, 19(1951), 123–138.
- Sabir Abdul Ghani, Adam, F., & Sosial, F. P. (2014). Pemulihan Dadah Menurut Persepektif Agama Di. *Jurnal Hadhari*, 6(1), 75– 85. Retrieved from http://www.ukm.edu.my/jhadhari/makalah/V6n12014/hadhari v.1 final_6.pdf
- Saiful Amri, Abdulloh Salaeh, Mohd Zohdi Mohd Amin, Rabiatal Adawiyah, Mansor Yahya. (2019). The Role of Former Drug Abuser in the Management of Drug Treatment Center Using Psycho Spiritual Therapy in Malaysia and South Thailand: A Comparative Study. *International Journal of Asian Social Science*, 9 (January), 106-113. <https://doi.org/10.18488/journal.1.2019.91.106.113>
- Seghatoleslam, T., Habil, H., Hatim, A., Rashid, R., Ardakan, A., & Esmaeili Motlaq, F. (2015). Achieving a spiritual therapy standard for drug dependency in Malaysia, from an Islamic perspective: Brief review article. *Iranian Journal of Public Health*, 44(1), 22–27.
- Setiyo Purwanto. 2016. Terapi Psikospiritual ala Nabi Yusuf untuk Pengelolaan Dorongan Seksual. Seminar LGBT : Terapi Psikospiritual sebagai model penyembuhan LGBT.
- Wan Mahmood Pawanteh. (1988). Penyelarasan Jentera Perlaksanaan Dalam Bidang Peranan dan Penglibatan Masyarakat Dalam Usaha Membenters Dadah. In *Konvensyen PEMADAM Kebangsaan*.
- Zuraidah Abdullah, Che Zarriba Sa'ari, Lee Wei Chang. (2018). Transgenderisme di Malaysia: Pelan Bimbingan Kembali Kepada Fitrah dari Perspektif Psikospiritual Islam. *Afkar*, 20(2), 279–322. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/afkar /article /view/15539/9446>